

**Soalan No : 52**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 21.10.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah terkini guru kelahiran Negeri Sabah dan apakah pendekatan yang akan digunakan oleh kerajaan di dalam memastikan sasaran 90% guru yang berkhidmat di Negeri Sabah terdiri dari kalangan anak tempatan dalam masa tiga tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah terkini guru kelahiran negeri Sabah yang berkhidmat di negeri Sabah bagi Sekolah Menengah adalah seramai 10,560 orang (72.1%) manakala yang berkhidmat di Sekolah Rendah adalah seramai 21,105 orang (80.2%).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menempatkan guru kelahiran atau anak jati negeri Sabah dalam proses Penempatan dan Pertukaran bagi memastikan sasaran 90% guru yang berkhidmat di Negeri Sabah terdiri dari kalangan anak tempatan bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2018 melalui pendekatan berikut:

## **1. Penempatan dan pertukaran atas kepentingan perkhidmatan**

- i. Guru berasal dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak akan ditukarkan ke Semenanjung untuk memberi laluan kepada guru asal Sabah dan Sarawak untuk mengisi kekosongan jawatan berdasarkan keperluan opsyen.
- ii. Guru asal Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung dan tidak mempunyai komitmen keluarga akan diarah berkhidmat di negeri asal.
- iii. Selain daripada itu, guru baharu asal Sabah dan Sarawak yang dilantik tetap ditempatkan ke negeri asal mengikut kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.
- iv. Keutamaan akan diberikan kepada permohonan pertukaran guru asal Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat di negeri asal masing-masing mulai sesi persekolahan Januari 2016 tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan.

## **2. Pengambilan Pelajar Fakulti Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Kelahiran Sabah dan Sarawak di IPTA**

- i. Dalam usaha untuk memenuhi sasaran 90 peratus, pengambilan pelajar fakulti pendidikan dalam kalangan pelajar kelahiran Sabah dan Sarawak yang berkelayakan di IPTA perlu ditingkatkan.

- ii. Graduan cemerlang lepasan IPTS yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPM dicadangkan untuk diambil sekiranya graduan unjuran KPM lepasan IPTA tidak mencukupi untuk menampung kekosongan jawatan guru sekolah menengah di Sabah dan Sarawak sahaja. Ini adalah selaras dengan cadangan pengambilan guru secara sistem terbuka (*open system*).
- iii. Menawarkan latihan perguruan secara Diploma Perguruan Lepasan Ijazah (DPLI)/ Diploma Pendidikan (DP) Ambilan Khas kepada graduan bukan pendidikan dari Sabah dan Sarawak bagi mencapai sasaran 90 peratus sekiranya graduan unjuran KPM tidak dapat menampung kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di Sabah dan Sarawak.

### **3. Proses Temu Duga Lantikan Tetap Oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)**

- i. Semua graduan pendidikan kelahiran Sabah dan Sarawak yang memenuhi keperluan opsyen semasa KPM perlu dipanggil temu duga dan dilantik tetap oleh SPP bagi memenuhi sasaran 90 peratus. Selain daripada itu, keahlian panel temu duga SPP dipelbagaikan iaitu terdiri daripada ahli panel yang berasal daripada Sabah dan Sarawak (sekurang-kurangnya seorang) bagi memberikan perspektif sebagai anak kelahiran Sabah atau Sarawak.